

Peniaga jangan naikkan harga sesuka hati

UTURAN
11/7/11

KUALA LUMPUR 10

Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengingatkan peniaga supaya tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barang meskipun setelah tamat tempoh skim harga kawalan musim perayaan.

Peringatan itu disuarakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Jamil Salleh berikutan laporan terdapat peniaga di Kelantan yang menjual seekor ayam pada harga mencecah RM30.

Beliau secara sinis turut menggesa pengguna supaya tidak membeli daripada peniaga terbabit supaya ayam yang dijualnya tidak laku.



JAMIL SALLEH

“Jangan dilayan penjual seperti ini. Lagi kita layan, beli pada mereka, memang mereka akan kekal letak pada harga yang melampau.

“Selain itu, saya minta kerjasama pengguna supaya segera laporan kepada pihak kementerian sekiranya mendapati

ada peniaga yang menjual melEBIHI harga skim kawalan seperti ditetapkan. Kita akan segera mengambil tindakan,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tindakan peniaga di Kota Bharu, Kelantan yang didapati menjual seekor ayam yang mempunyai berat purata satu setengah kilogram pada harga

RM20 hingga RM30.

Mengulas lanjut, Jamil memberitahu, tindakan telah pun diambil oleh pihak kementerian terhadap peniaga-peniaga terbabit.

Katanya, selain di Kelantan, pihaknya tidak menerima sebarang laporan berhubung perkara yang sama dari negeri-negeri lain.

“Saya percaya perkara ini berlaku kerana jumlah pembeli yang meningkat ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri. Peniaga dan pemborong mengambil kesempatan untuk menaikkan harga sesuka hati mereka.

“Ada peniaga mahu untung lebih sehingga sanggup menjual dengan harga terlalu tinggi. Kami tidak akan teragak-agak mengambil tindakan, bahkan penguatkuasaan sentiasa berjalan dengan kakitangan bertugas pada hari raya diarah membuat pemeriksaan,” jelas beliau.